



**Prosedur suntikan sel stem** dilakukan di dalam bilik pembedahan oleh pakar orthopedik terlatih di dalam bidang sel stem.

**8 Disember 2018**

**Sekumpulan** pakar bedah Ortopedik Hospital Canselor Tuanku Muhriz Universiti Kebangsaan Malaysia (HCTM UKM), diketuai Pensyarah Kanan dan Pakar Perunding Ortopedik & Arthroscopi, Datuk Dr Badrul Akmal Hisham Md Yusoff, berjaya merawat kecederaan sendi rawan lutut menggunakan suntikan stem sel mesenkima dari uri penderma.

Suntikan itu membolehkan rawan sendi terbentuk semula sepenuhnya selepas setahun walaupun permukaannya tidak selicin sendi rawan asal, tanpa tanda kesan sampingan.

Lebih membanggakan, prosedur membiakkan sel stem di makmal itu turut diiktiraf oleh Agensi Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan dan disahkan patuh syariah oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).